

# Mesin ATM Beras sudah ada di Terengganu

Oleh [Zaid Salim](#) - Oktober 4, 2021 @ 12:01am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Rosol melihat proses pengeluaran beras daripada Mesin ATM Beras yang diberikan secara percuma kepada golongan perlu dan tidak berkemampuan pada Majlis Perasmian Mesin ATM Beras di Masjid Pekan Ajil, Kuala Berang. - Foto ZAID SALIM

KUALA BERANG: Terengganu menjadi negeri kedua melaksanakan program Mesin Automatik Mudah Alih (ATM) Beras dalam usaha membantu golongan tidak berkemampuan yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19, selepas Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata, program berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama Sekretariat Food Bank Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan rakan strategik utama iaitu Kumpulan Legasi Z dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, sehingga akhir tahun ini, pihaknya akan menempatkan sebanyak lima mesin berkenaan di beberapa lokasi terpilih dan Hulu Terengganu menjadi lokasi kedua penggunaan mesin berkenaan.

"Walaupun negara dalam fasa pemulihan pandemik Covid-19, namun masih ramai yang masih terkesan dengan krisis ekonomi ketika ini dan memerlukan bantuan dan sumbangan.

"Kesan daripada pandemik menyebabkan ramai rakyat yang hilang pendapatan dan pekerjaan, terputus sumber pencarian dan memerlukan bantuan makanan.

"Justeru, dengan pelaksanaan mesin ini, ia dapat meringankan beban rakyat khusus golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk mendapatkan bekalan makanan asasini pada bila-bila masa," katanya pada majlis perasmian ATM Beras di Masjid Pekan Ajil, di sini, hari ini.

Katanya, mesin yang diletakkan di perkarangan masjid itu akan diselia pihak pengurusan kariah masjid dan mempunyai dua fungsi iaitu mengeluarkan beras mengikut kuantiti yang ditetapkan selain mempunyai tabung khas untuk orang ramai menderma bagi mengisi bekalan beras dalam mesin.

Beliau berkata, konsep sumbangan menerusi mesin berkenaan adalah kesinambungan daripada program Gerobok Prihatin yang sudah dilaksanakan di 93 masjid di daerah ini sejak Mei lalu.

"Kita lihat program Gerobok Prihatin berjaya mencapai matlamat dan berharap program Mesin ATM Beras ini juga mendapat sokongan daripada pihak lain untuk menyalurkan sumbangan supaya manfaatnya dapat diperluaskan lagi kepada golongan sasaran," katanya.

Rosol berkata, mesin berkenaan dengan kapasiti 500 kilogram beras bagi setiap penggunaan dapat memanfaatkan penduduk Hulu Terengganu khususnya yang tinggal di sekitar Pekan Ajil.

Bagi menampung keperluan penduduk yang memerlukan bantuan makanan menerusi program itu, katanya, sebanyak satu tan beras diperuntukkan bagi setiap bulan.

"Inovasi Mesin ATM Beras ini adalah tanda keprihatinan kerajaan membantu meringankan beban mereka yang terkesan dan dalam masa sama dapat memastikan makanan tersedia untuk keluarga walau dalam apa keadaan sekalipun.

"Sesiapa sahaja yang memerlukan boleh datang pada bila-bila masa dan ikut arahan yang dipaparkan untuk mendapatkan bekalan sehingga lima kilogram beras bagi setiap pengeluaran," katanya.

Rosol berkata, inisiatif itu bukan hanya bermatlamat membantu golongan memerlukan tetapi dalam masa sama turut mewujudkan budaya memberi dan menyumbang di kalangan mereka yang berkemampuan.